



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 4 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ILTIZAM NAFAS TEROKAI INDUSTRI HALAL, NASIONAL, SINAR HARIAN -11 TAUKE IKAN LAGA TERIMA DUA ANUGERAH MAJLIS KONVOKESYEN MAFI, HARIAN METRO -ONLINE BANJIR: MAFI NILAI KERUGIAN SEKTOR AGROMAKANAN, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	FAMA PAHANG CATAT JUALAN PASAR TANI RM7.6 JUTA, NEGERI PAHANG. SELANGOR/KL	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7.	BANTU PENIAGA, USAHAWAN TERJEJAS BAH, LOKAL, HARIAN METRO -4 KERAJAAN BERI BANTUAN KEPADA PMKS, PETANI DAN PENTERNAK TERJEJAS BANJIR, BANJIR MELANDA LAGI, SINAR HARIAN -24 WARGA TANI SENTIASA DI HATI SULTAN MIZAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA - 14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Iltizam NAFAS terokai industri halal

Kukuhkan jenama di persada antarabangsa, bantu peladang Malaysia tembusi pasaran halal dunia

Oleh: NORSHAHZURA MAT ZUKI



Malaysia telah mencatat landskap industri halal dengan konsep tersendiri dan menjadikan industri halal Malaysia sebagai sumber baharu yang menjana pertumbuhan ekonomi untuk menembusi pasaran halal antarabangsa.

Menyerusi Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia sempena Expo 2020 Dubai, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengambil peluang yang terbuka luas ini dengan penyertaan sebagai pempamer bermula 20 Februari hingga 26 Februari di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pengurus Besar NAFAS, Abu Sujak Sahaji berkata, NAFAS yang merupakan pertubuhan yang berdaftar di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) – agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mempunyai hala tuju yang mapan dalam meningkatkan kebolehpasaran produk halal tempatan di peringkat antarabangsa.

Katanya, NAFAS membawa keluaran produk jenama Peladang sebanyak 24 jenis dengan 77 produk yang dipamerkan menerusi segmen bisnes matching, bisnes talk, demo masakan menggunakan produk Peladang oleh cef. Antara produk yang dibawa adalah berasaskan ayam, madu, kopi pracampuran, snek serta minyak masak.

"Sasaran NAFAS yang mempunyai hampir sejuta ahli seluruh negara adalah mahu menjadi syarikat pertama dari



Entri (dopam, kiri) pada majlis penandatangani MoU antara NAFAS dan Urbanex Gulf Corporate Services di Dubai baru-baru ini.

Malaysia dan dari negara Islam, yang mengeksport produk halal pasinya di bawah jenama Peladang yang mempunyai kualiti serta pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

"Alhamdulillah selama hampir seminggu NAFAS di Expo 2020, Dubai kami telah mengorak langkah dengan memeterai dua Memorandum Persefahaman

(MoU) iaitu bersama Urbanex Gulf Corporate Services dan ARJ Holding L.L.C yang merupakan antara syarikat terkemuka yang berpangkalan di Dubai," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Selain itu, di Expo 2020 Dubai, NAFAS turut bekerjasama dengan cef eksekutif dari Malaysia di Dubai untuk mempromosi produk Peladang menerusi demo masakan dan showcase sempena 'Malaysian Night' yang dianjurkan oleh Chef Rene Johari di MY Square, Hotel Doubletree by Hilton Dubai.

Menurut Abu Sujak, NAFAS merupakan organisasi yang boleh memainkan peranan sebagai ejen pengurusan eksport keluaran hasil petani di Malaysia, seterusnya mengurangkan penglibatan orang tengah bagi memastikan harga barang lebih kompetitif.



MoU NAFAS di UAE.

Pendapat ahli Peladang yang mengusaha ikan bilis serta udang kering di Sabah khususnya di Sandakan dan Tawau dijangka bertambah apabila kedua-dua hasil laut ini bakal menembusi pasaran Timur Tengah bermula dengan UAE pada bulan ini.

Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Sylvester Entri Muran berkata, perkembangan itu susulan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara NAFAS dengan Urbanex Gulf Corporate Services yang berpangkalan di Dubai, selaku syarikat pengurusan eksport (EMC).

"Ikan bilis dan udang kering dari Malaysia dapat permintaan tinggi. Peniaga gembira dengan sampel kita walaupun harga lebih tinggi berbanding Thailand dan Indonesia – tapi mereka puas hati kerana kualiti hasil kita dan sebab itu mereka tawarkan (untuk eksport) kepada NAFAS."

"Sebagai permulaan, sebanyak 25 tan ikan bilis dan udang kering akan dieksport ke Dubai pada bulan ini dengan anggaran jualan USS40 sekilogram dan NAFAS kini dalam proses penyediaan dokumentasi," katanya.

Beliau berkata menerusi MoU

itu juga NAFAS akan mengeksport sebanyak 50 tan halia dan kunyit hasil tanaman ahli Peladang dari seluruh Malaysia ke UAE dengan menjadikan Dubai sebagai pintu masuk sebelum memperluaskannya ke pasaran Timur Tengah serta Afrika Utara.

Manakala dalam MoU berasingan, NAFAS bersama ARJ Holding L.L.C, salah satu syarikat yang terbesar berpangkalan di Dubai, UAE menandatangani perjanjian bernilai RM100 juta untuk mengadakan usaha sama dalam bisnes ternakan naminan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos dari bahan biomassa.

Majlis menandatangani MoU yang diadakan di Dubai, UAE disempurnakan oleh Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Sylvester Entri Muran. ARJ Holding pula oleh Presiden Kumpulannya, Shahab Ahmad Ramadhan Juma.

Turut menyaksikan perjanjian ini ialah Mohamad Bahrin Abd Karim, Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Pengurus Jawatankuasa Pelaburan NAFAS.

Hadir sama Kauselor Pejabat Perwakilan Pertanian (Dubai UAE), Mohd Zahurul Napi Shoaib, Pengurus Kanan Pengurusan Perniagaan, Baharozaman Mohid dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Promosi, Mohammad Fauzie Tamim.

Entri berkata, kerjasama itu antara lain dapat menjalinakan hubungan perniagaan bagi memacu pertanian lestari antara Malaysia dan UAE dan juga titik permulaannya 'peluang perniagaan' secara besar-besaran melalui teknologi teknologi yang terkini.

Harapan NAFAS semoga usaha yang telah dilaksanakan sepanjang Expo 2020 Dubai ini akan memberi manfaat kepada para usahawan dan juga perantaraan berkaitan pertanian, serta menjadi platform untuk menggiatkan semula ekonomi global.

Minggu 21 Expo 2020 Dubai diterajui oleh MAFI, dengan segmen Pertanian Lestari bermula dari 20 hingga 26 Februari 2022 bertemakan "Makanan Kita, Masa Depan Kita". Expo ini mendapat penyertaan daripada 20 syarikat pempamer, 11 jabatan dan agensi di bawah MAFI serta syarikat dari Malaysia yang mengambil bahagian secara maya.



Entri (kiri, barisan hadapan) bertukar dokumen dengan Shahab (kanan, barisan hadapan) pada majlis MoU antara NAFAS dan ARJ Holding yang diadakan di Dubai, baru-baru ini.



Demo masakan produk Peladang oleh Chef Rene Johari sambil disaksikan Abu Sujak (jiri) dan Duta Besar Malaysia di UAE, TYT Dato' Mohd Tarid Suffian (dua dari kiri).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Tauke ikan laga terima dua anugerah Majlis Konvokesyen MAFI



NUR Aifa terima dua anugerah sempena Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 di Putrajaya, hari ini. FOTO SAMADI AHMAD.

Putrajaya: "Kerana minat mendalam kepada aktiviti pertanian, saya tolak tawaran menyambung pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2017," kata penerima Anugerah

Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Nur Aifa Shaaeri.

Nur Aifa, 26, dari Pasir Putih, Kelantan, berkata dia memilih Kolej Pertanian Malaysia, Kedah pada 2017 dalam bidang tanaman di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan menyambung di peringkat Diploma sehingga 2020.

Menurutnya, dia memilih Kolej Pertanian kerana menggemari tumbuhan hijau dan ingin mendalami ilmu berkenaan.

Katanya, sejak 2021, dia menceburi bidang pertanian dengan mengusahakan projek keusahawanan dengan tanaman jagung, cili padi, kangkung dan penternakan ikan hiasan.

"Sehingga kini, saya sudah mengeluarkan modal sendiri hampir RM80,000 dengan bantuan suami, Muhammad Syafiq Saifuddin Khairul Anuar, 27 dan ahli keluarga bagi mengusahakan ladang di Gong Depu, Pasir Putih.

"Hasil tanaman itu dipasarkan kepada penduduk tempatan dan memperoleh pendapatan sekitar RM8,000 hingga RM10,000 sebulan.

"Baka ikan hiasan dibeli di Perak kerana harganya murah dan kemudiannya ditenak untuk dijual kepada penduduk tempatan di kedai sendiri di tepi jalan berdekatan rumah," katanya selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, hari ini.

Nur Aifa berkata, ketika ini dia mengusahakan ladang secara bersendirian dan dibantu suami pada hujung minggu sekiranya dia tidak bekerja.

Menurutnya, ladang itu adalah ihsan bapa saudara yang menetap di Kuala Lumpur dan dia memasang impian untuk memiliki ladang sendiri suatu hari nanti.

Katanya, pilihan dibuatnya sangat berbaloi dan tepat kerana kerjaya itu memberi peluang pekerjaan serta dapat menjana ekonomi.

Pada majlis itu, Nur Aifa menerima anugerah berganda iaitu Anugerah Khas Ketua Setiausaha MAFI dan turut menerima sijil serta wang tunai sumbangan MAFI.

Anugerah disampaikan Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2022	KOSMO	ONLINE	

Banjir: MAFI nilai kerugian sektor agromakanan



Gambar hiasan.

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) masih menilai kerugian dalam sektor agromakanan yang terjejas akibat banjir di Kelantan dan Terengganu baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, setakat ini, anggaran kerugian yang direkodkan adalah berjumlah RM500,000

membabitkan sektor padi beras, penternakan dan akuakultur.

“Kami sedang mengemas kini dan menilai kerosakan dan kerugian dihadapi selain menjangkakan jumlahnya akan meningkat,” katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-10, di sini hari ini.

Katanya, setakat ini, MAFI telah menyalurkan bantuan berjumlah RM22 juta kepada sektor agromakanan yang terjejas akibat banjir pada Disember tahun lalu termasuk di Selangor, Pahang dan Melaka.

Ronald berkata, bantuan berkenaan termasuklah peralatan pertanian, baja dan anak benih serta dalam bentuk moratorium pinjaman.

“Dana bantuan yang disalurkan dijangka sentiasa meningkat sebab nilai ada yang belum tamat lagi dan ada yang bertambah,” katanya.

Sebelum ini, MAFI menganggarkan kerugian dialami petani, penternak dan nelayan akibat bencana banjir pada Disember tahun lalu mencecah RM90 juta.

Bagaimanapun, setakat ini, sejumlah RM22 juta dana bantuan sudah disalurkan kepada 1,200 mangsa yang terjejas. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG. SELANGOR/KL.	27

FAMA Pahang catat jualan pasar tani RM7.6 juta

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatatkan hasil jualan sebanyak RM7.6 juta pada tahun lalu.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, kutipan itu diperoleh hasil daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan di 18 pasar tani di seluruh negeri ini.

Menurutnya, terdapat lima pasar tani kekal dan selebihnya pasar tani mingguan yang membabitkan lebih 1,000 usahawan tempatan.

“Pasar tani kekal terletak di Jerantut, Bera, Jengka, Pekan dan Felda Chini yang menyediakan bangunan termasuk pelbagai kemudahan lain untuk keselesaan peniaga dan pengguna.

“Untuk tahun ini, kita jangkakan hasil jualan pasar tani akan ber-

tambah apabila semua pasar tani seluruh negeri kini dibuka sepenuhnya,” katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Beliau berkata, program pemasaran rentas negeri (PRN) dilaksanakan bagi membantu usahawan agromakanan untuk bangkit semula mengharungi pasca Covid-19.

“Kita telah membuka peluang berniaga kepada usahawan dari luar Pahang untuk datang berniaga di pasar tani di negeri ini sebagai usaha membantu golongan peniaga tempatan dan luar.

“Beberapa usahawan dari Pulau Pinang dan Melaka sebelum ini telah menyertai PRN di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang, di sini,” jelasnya.

Pasar tani di Pahang mencatat jualan sebanyak RM7.6 juta hasil aktiviti perniagaan di 18 pasar tani pada tahun lalu.



Bantu peniaga, usahawan terjejas bah

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membantu peniaga tidak formal serta perusahaana mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas dengan banjir di Kelantan dan Terengganu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri menerusi catatan di Facebook semalam berkata, selain itu, golongan petani dan penternak juga turut tidak terlepas daripada perhatian kerajaan.

"Keluarga Malaysia turut bersedih dan simpati dengan mangsa banjir. Justeru bantuan untuk mereka akan diteruskan," katanya.

Kelmarin, meskipun sibuk dengan pelbagai tugasan Ismail Sabri sempat meluangkan masa meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) dan keadaan semasa



Keluarga Malaysia turut bersedih dan simpati dengan mangsa banjir. Justeru bantuan untuk mereka akan diteruskan"

Ismail Sabri Yaakob

banjir di Terengganu dan Kelantan serta menyerahkan sumbangan kepada mangsa yang terbabat.

Perdana Menteri turut menzahirkan kesyukuran dengan perkembangan banjir semasa di Terengganu yang kini berausur pulih.

"Alhamdulillah keadaan banjir di Terengganu beransur pulih. Di Kelantan pula keadaan banjir masih belum reda. Terdapat 22 pusat pemindahan sementara yang masih lagi beroperasi," katanya.

Setakat jam 8 pagi semalam, jumlah mangsa banjir di Kelantan menyaksikan sedikit peningkatan manakala situasi di Terengganu bertambah baik dengan bilangan penduduk yang dipindahkan ke PPS semakin berkurangan.

Sementara itu, menurut aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, setakat jam 11 pagi semalam, seramai 16,821 mangsa daripada 4,892 keluarga di kedua-dua negeri masih ditempatkan di 61 PPS yang beroperasi.



ISMAL Sabri bersama Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (kanan) ketika mengadakan lawatan ke PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gelang Mas, Pasir Mas, Kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2022	SINAR HARIAN	BANJIR MELANDA LAGI	24

Kerajaan beri bantuan kepada PMKS, petani dan penternak terjejas banjir

SHAH ALAM - Kerajaan akan terus memberikan bantuan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana banjir di Terengganu dan Kelantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, antara golongan akan menerima

bantuan adalah peniaga informal serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas.

Menurut beliau, tidak ketinggalan, kerajaan akan menyalurkan bantuan kepada golongan petani dan penternak.

“Saya menyantuni mangsa banjir di Terengganu dan Kelantan semalam (Rabu). Alhamdulillah keadaan banjir di Terengganu beransur pulih.

“Di Kelantan keadaan banjir masih belum reda. Terdapat 22 pusat pemindahan sementara

(PPS) yang masih beroperasi.

“Keluarga Malaysia turut bersedih dan simpati dengan mangsa-mangsa banjir. Justeru, bantuan-bantuan untuk mereka akan diteruskan,” kata Perdana Menteri dalam hantaran di Facebooknya pada Khamis.



ISMAL SABRI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	RENCANA	14

ROSALINDA MD. SAID



“SEKTOR industri kecil dan sederhana (IKS) merupakan antara yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ramai peniaga pasar tani, pasar malam, pengusaha restoran dan lain-lain kehilangan punca pendapatan, malah ada yang terpaksa gulung tikar dan mengangsur kerana tiada kemampuan kewangan untuk terus bertahan.

“Oleh itu, beta menyarankan agar kerajaan negeri terus membantu golongan ini daripada pelbagai sudut seperti bantuan sokongan kewangan, kemudahan premis perniagaan dan lain-lain yang berkaitan agar mereka dapat terus bertahan dan menjalankan perniagaan.”

ISTIADAT PEMBUKAAN

Demikian titah Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dalam istiadat pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu Ke-14 di Wisma Darul Iman pada 13 September lalu.

Baginda faham pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada aktiviti rantaian pertanian sekali gus menambah beban warga tani. Sehubungan itu, baginda berharap segala program dan insentif kepada golongan petani, penternak dan nelayan di negeri tersebut dapat diteruskan pada masa hadapan dengan penambahbaikan.

Keprihatinan Sultan Mizan itu tepat kerana sektor pertanian cukup dekat dengan masyarakat Terengganu sejak dahulu hingga kini. Serentak itu, baginda turut mengisytiharkan 2021 sebagai Tahun Pertanian negeri.

Sektor berkenaan bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi, malah menjanjikan pulangan yang berbaloi jika dilaksanakan

Warga tani sentiasa di hati Sultan Mizan



SULTAN Mizan Zainal Abidin (tengah) berkenan melihat pelbagai hidangan pastri yang dihasilkan oleh para pelajar Yayasan Diraja Sultan Mizan.

dengan kaedah tepat.

Titah baginda, penyediaan sumber makanan mencukupi amat penting dan menyeru perhatian serius diberikan dalam usaha membangunkan sektor pertanian ke tahap yang lebih tinggi.

GEDUNG PENGELUARAN MAKANAN

Perkembangan sektor pertanian jelas dapat dilihat apabila kerajaan negeri mengumumkan peruntukan terbesar, iaitu RM20 juta untuk sektor pertanian pada

2021. Langkah tersebut bertujuan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat terutama mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Malah, kerajaan negeri turut mengisytiharkan daerah Setiu sebagai gedung



“Keprihatinan Sultan Mizan itu tepat kerana sektor pertanian cukup dekat dengan masyarakat Terengganu sejak dahulu.”

pengeluaran makanan negeri.

Sultan Mizan menyambut baik segala perancangan kerajaan negeri di samping mengucapkan tahniah kerana berjaya memperoleh peruntukan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi memperkasakan sektor pertanian.

MYGAP

“Beta dimaklumkan, Tahun Pertanian 2021 berjalan lancar. Sejumlah RM25.3 juta iaitu peningkatan empat kali ganda telah diperuntukkan berbanding tahun 2020 yang melibatkan pelaksanaan 72 program dan 33 projek pertanian.

“Antara program utama yang dilaksanakan adalah insentif pengeluaran beras MyGAP, penanaman melon manis Terengganu di Rantau Abang dan projek melabuh unjam dan tukun di perairan Terengganu,” titah baginda.

Sultan Terengganu turut menyeru pelaksanaan bajet negeri pada masa mendatang memberi fokus kepada perbelanjaan untuk pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negeri.

Titah baginda, projek-projek pembangunan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kemampuhan pertumbuhan ekonomi dan keperluan jangka masa panjang.

Sultan Mizan dimahkotakan sebagai Sultan Terengganu pada tanggal 4 Mac 1999 dan hari ini genap 23 tahun pemerintahan baginda.

Baginda juga merupakan Yang di-Pertuan Agong Ke-13 dari 13 Disember 2006 hingga 12 Disember 2011.

Daulat Thanaku!

PENULIS ialah Koresponden Utusan Malaysia Terengganu